



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN
DI BAWAH SEKSYEN 26A AKTA RACUN 1952 [AKTA 366]**

BILANGAN 1 TAHUN 2023

**ARAHAN BERKENAAN KEPERLUAN AHLI FARMASI BERLESEN YANG MENJUAL
RACUN SECARA BORONG BEKERJA SEPENUH MASA**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26A Akta Racun 1952 [Akta 366], Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan arahan yang berikut:

1. TUJUAN

1.1 Arahan ini ditujukan kepada ahli farmasi berlesen di bawah Akta 366 yang menjual racun secara borong.

1.2 Arahan ini adalah untuk menetapkan keperluan untuk ahli farmasi berlesen yang menjual racun secara borong bekerja sepenuh masa.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Ahli farmasi berlesen yang menjual racun secara borong adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya di bawah Akta 366 bagi mematuhi semua keperluan yang ditetapkan di bawah Akta 366 melibatkan segala transaksi bagi penjualan racun secara borong di premis di mana ahli farmasi berlesen itu dilesenkan.

2.2 Oleh itu, arahan ini dikeluarkan bagi memperincikan tanggungjawab bekerja sepenuh masa di premis di mana ahli farmasi berlesen itu dilesenkan.

3. PELAKSANAAN

3.1 Arahan-arahan berikut hendaklah dipatuhi oleh ahli farmasi berlesen yang menjual racun secara borong :

- a) Bekerja sepenuh masa di premis di mana ahli farmasi berlesen itu dilesenkan untuk menjual racun secara borong.
- b) Bertanggungjawab atas segala transaksi pengendalian racun di premis di mana ahli farmasi berlesen itu dilesenkan dan hendaklah memastikan pada setiap masa semua keperluan undang-undang yang berkuat kuasa dipatuhi.
- c) Tidak dibenarkan menjual atau membekal racun secara runcit di premis farmasi lain pada waktu bekerja yang ditetapkan di premis dimana ahli farmasi berlesen itu dilesenkan.

4. PEMAKAIAN

Arahan ini adalah terpakai ke atas ahli farmasi berlesen di bawah Akta 366 yang menjual racun secara borong.

5. PEMATUHAN

Kegagalan mematuhi arahan ini merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 26A(3) Akta 366 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah subseksyen 32(2) Akta 366.

6. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa arahan ini ialah mulai 31 Oktober 2023.



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 31/10/23